



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN SENI
PERSEMBAHAN SARAWAK**

***MINISTRY OF TOURISM, CREATIVE INDUSTRY AND
PERFORMING ARTS SARAWAK***

GARIS PANDUAN PERMOHONAN

ACARA & PESTA

**BERKAITAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN
SARAWAK**

KANDUNGAN

1.	PENGENALAN		3
2.	OBJEKTIF GERAN		4
3.	FORMAT PERUNTUKAN		5
4.	ACARA & PESTA YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN		6
5.	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN		8
6.	SYARAT-SYARAT TAJAAN		10
7.	TANGGUNGJAWAB PENERIMA GERAN		12
8.	PEMAKLUMAN PELAKSANAAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)		13
9.	TATACARA PERMOHONAN		14

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai **syarat-syarat, kelayakan, prosedur permohonan dan penyaluran** kepada mana-mana permohonan layak dan telah diberi pertimbangan daripada Kementerian ini;
- 1.2 Permohonan Geran Sokongan yang dipertimbangkan adalah bagi penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan yang bakal dilaksanakan dalam tempoh **Januari sehingga Disember dalam tahun semasa**;
- 1.3 Geran Sokongan ini hanya memberi focus serta tumpuan sepenuhnya ke atas bagi penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan berkaitan **pelancongan, kesenian dan kebudayaan sahaja**.

2. OBJEKTIF GERAN

- 2.1 Untuk menggalak, membangun dan menjamin kelangsungan aktiviti berkaitan pelancongan, industry kreatif dan seni persembahan di Sarawak. Di samping itu, ia akan memberi pulangan pelaburan kepada ekonomi serta kesejahteraan sosial terhadap rakyat dan Kerajaan Sarawak;
- 2.2 Geran Sokongan Acara dan Pesta ini bertujuan agar setiap acara dan pesta yang diadakan dapat memberi impak yang memberangsangkan samada daripada segi jumlah kehadiran pengunjung domestik serta antarabangsa dan *Return Of Investment* (ROI);
- 2.3 Selari dengan inisiatif *Post Covid Development Strategy 2030 (PCDS 2030)* untuk menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu sektor utama dalam pelan pembangunan ekonomi Sarawak.

3. FORMAT PERUNTUKAN

- 3.1 Format peruntukan adalah dalam bentuk bantuan secara **GERAN SOKONGAN (SUPPORT GRANT)**.

PARTIALLY



4. ACARA & PESTA YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN

- 4.1 Setiap acara dan pesta yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dan selaras dengan dasar, objektif, bidang keutamaan serta berpandukan hala tuju terkini Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP).
- 4.2 Setiap acara dan pesta yang dicadangkan haruslah tidak melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama, budaya dan tradisi masyarakat majmuk di negeri ini serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan pergolakan atau mengganggu-gugat kestabilan politik, sosial, ketenteraman awam dan keselamatan negeri serta negara.
- 4.3 Setiap cadangan penganjuran acara dan pesta adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut;
 - a) Keutamaan adalah penganjuran acara/pesta di Sarawak;
 - b) Bagi acara dan pesta yang diadakan di Sarawak penganjur wajib memberi keutamaan penyertaan daripada pengusaha industri tempatan seperti penginapan, pemilik tapak acara, pengurus acara, tenaga kerja (70% warga Sarawak), komuniti setempat dan lain-lain; dan
 - c) Memberi faedah dan merangsang pertumbuhan sektor pelancongan seterusnya ekonomi Sarawak secara keseluruhan.
- 4.4 Kategori acara dan pesta yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut;
 - 4.4.1 Acara dan pesta berkaitan pelancongan;
 - 4.4.2 Acara-acara sukan berasaskan pelancongan bertaraf antarabangsa (International Sports Tourism) dengan syarat 25% penyertaan luar Sarawak
 - 4.4.3 Acara-acara berkaitan seni persembahan seperti seni muzik, tarian, dan lakonan (drama teater, filem & dokumentari);
 - 4.4.5 Acara-acara warisan dan kesenian (adat-istiadat suku kaum, peragaan busana/ kostum, kulinari, permainan tradisi);
 - 4.4.6 Acara-acara melibatkan seni halus (kraf, seni lukis, seni hias, anyaman/ sulaman, manik/ tekat, ukiran, tenunan, pertukangan, mural, khat dan kaligrafi);

- 4.4.7 Acara-acara kesusasteraan dan bahasa (sastera rakyat, lagu dan cerita rakyat, sajak, gurindam, pantun, syair, tulisan jawi);
- 4.4.8 Acara-acara yang melibatkan penggunaan media interaktif (audio visual, persembahan grafik, teknologi maklumat, seni fotografi, media sosial); dan
- 4.4.10 Jenis penganjuran acara dan pesta yang dibenarkan oleh pihak Kementerian layak serta mempunyai ciri-ciri unik tersendiri mampu untuk memberi pulangan pelaburan secara langsung atau tidak langsung kepada pembangunan industri pelancongan, industri kreatif dan seni persembahan di Sarawak.

5 SYARAT -SYARAT PERMOHONAN

5.1 Pemohon adalah terdiri daripada kategori seperti berikut sahaja:

- a) Agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun Sarawak;
- b) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Sarawak;
- c) Pertubuhan/ Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan yang berstatus aktif dan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama **satu (1) tahun** beserta dengan **tiga (3) bulan penyata kewangan terkini**;
 - i) Pertubuhan yang berdaftar dibawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dan Akta Pertubuhan 1966 (*Registrar of Society*) yang berstatus aktif dan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama dua (2) tahun daripada tarikh permohonan;
- d) Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta
 - ii) Persatuan yang berdaftar dengan Akta Universiti dan Kolej
- e) Syarikat swasta berdaftar di Malaysia yang telah beroperasi sekurang-kurangnya selama **satu (1) tahun**.

5.2 Pemohon selaku penganjur perlu mempunyai maklumat pendaftaran yang sah dan diwajibkan untuk mengemukakan dokumen-dokumen bukti pendaftaran/ pengesahan yang telah **disahkan salinan asal** seperti berikut:

- a) Syarikat Swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC):
 - i. *Corporate Profile*;
 - ii. *Summary of Share Capital*;
 - iii. *Directors/ Officers*;
 - iv. *Shareholders/ Members*;
 - v. *Company MOA/ Constitution*;
 - vi. *Summary of Financial Information*;
 - vii. Penyata kewangan terkini yang telah diaudit oleh pihak juru audit yang berdaftar
 - viii. Salinan akaun bank yang disahkan oleh pihak bank
- b) Pertubuhan / Persatuan Bukan Kerajaan (NGO):
 - i. Sijil / Perakuan pendaftaran
 - ii. Penyata Tahunan terkini
 - iii. Salinan akaun bank tiga (3) bulan terkini yang disahkan oleh pihak bank

5.3 Pemohon wajib mengisytiharkan kepada Kementerian sebarang hasil (tajaan, tiket, sewa, bayaran, dan lain-lain pendapatan) apa-apa sumbangan yang telah dan akan diterima daripada pelbagai sumber.

5.4 Syarikat swasta dan Syarikat berkaitan dengan Kerajaan (GLC)

- a) Adalah diperuntukan hanya untuk **SATU (1)** penganjuran Acara dan Pesta sahaja dalam **TAHUN SEMASA**.

5.5 Pemohon yang **TIDAK LAYAK** untuk dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- a) Tidak berdaftar dengan mana-mana pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara;
- b) Penganjur yang gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat pemberian geran yang pernah diterima;
- c) Pertubuhan politik dan individu;
- d) Syarikat Swasta yang gagal mengemukakan penyata kewangan terkini yang telah diaudit oleh pihak juru audit yang berdaftar;
- e) Permohonan bagi acara/ program/ aktiviti/ kajian/ penyelidikan yang sedang berlangsung atau yang telah dilaksanakan;
- f) Permohonan yang diterima kurang daripada **90 hari** daripada tarikh penganjuran;
- g) Individu yang sama tetapi memohon menggunakan pelbagai organisasi dalam tahun semasa;
- h) Pemohon yang gagal mengisytiharkan peruntukan daripada pelbagai tajaan kepada Kementerian;
- i) Kelab atau Persatuan yang berkaitan dengan mana - mana entiti kerajaan persekutuan dan negeri (Jabatan / Badan Berkanun / Syarikat Berkaitan Kerajaan);
- j) Pemohon yang masih gagal menjelaskan pembayaran sewa/duti hiburan/cukai untuk program yang pernah dianjurkan;
- k) Penganjur yang terlibat dengan kes mahkamah; dan

6 SYARAT- SYARAT TAJAAN

- 6.1 Kelulusan Geran Sokongan hanya akan dipertimbangkan sekiranya kertas cadangan memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di dalam lampiran *Event Proposal Checklist*.
- 6.2 Setiap permohonan diwajibkan untuk menyatakan sasaran faedah pulangan (*Return of Investment*) kepada industri pelancongan, kesenian dan kebudayaan dan juga butiran terperinci anggaran kos penganjuran untuk tujuan penilaian pihak Kementerian.
- 6.3 Nilai publisiti hasil daripada tajaan perlu setimpal dengan jumlah peruntukan yang disalurkan. (Mekanisma pengiraan tertakluk kepada formula daripada *Sarawak Tourism Board*).
- 6.4 Pemohon diwajibkan untuk menyenaraikan senarai penaja yang telah mengesahkan penglibatan dalam program/aktiviti berkenaan.
- 6.5 Pihak penganjur diwajibkan untuk mengambil **Public Liability Insurance** dan polisinya hendaklah dihantar kepada Kementerian untuk tujuan rekod.
- 6.6 Pihak penganjur wajib mempamerkan logo **Sarawak State Crest** dan **Sarawak More to Discover** di dalam apa-apa jua bentuk bahan-bahan promosi.



- 6.7 Segala bentuk **artwork** seperti **backdrop, banner, fishtail, buku program** dan sebagainya hendaklah disediakan sebelum program berlangsung dan **artwork** tersebut perlu mendapatkan **pandangan dan kelulusan** daripada pihak Kementerian.
- 6.8 **Sidang akhbar dan mesyuarat penyelarasan** dengan agensi-agensi berkaitan bagi acara dan pesta yang tertentu akan diadakan atas nasihat pihak Kementerian bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program.
- 6.9 Pihak penganjur diwajibkan untuk menyediakan dan mengemukakan **press kit serta draf teks ucapan** kepada pihak sekiranya mengadakan sidang akhbar.

- 6.10 Jemputan untuk **Tetamu Kehormat** bagi sesuatu acara tersebut perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Kementerian.
- 6.11 Penajaan yang telah diluluskan untuk penganjuran akan **TERBATAL** sekiranya pihak penganjur gagal melaksanakan Acara dan Pesta sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam surat perjanjian dan pihak Kementerian berhak untuk menuntut kembali jumlah peruntukan yang telah disalurkan.
- 6.12 Tajaan untuk acara yang dianjurkan oleh pihak swasta secara tahunan adalah terhad untuk **tiga (3) kali sahaja**. Walaubagaimanapun tempoh tersebut adalah tertakluk kepada laporan prestasi penganjuran acara dan tertakluk kepada keputusan Menteri.
- 6.13 Penganjur wajib mengemukakan laporan akhir dalam tempoh **enam puluh (60) hari selepas selesai acara**.
- 6.14 Penganjur yang **GAGAL** memenuhi syarat-syarat tajaan akan **disenaraihitamkan**.
- 6.15 Keputusan Kementerian adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan adalah di atas budi bicara Menteri.
- 6.16 Nama pemohon mestilah sama dengan nama pemegang akaun bank.

7. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR

7.1 Semasa acara / program / aktiviti berlangsung:

- a) Penerima geran perlu memastikan setiap acara/program/pesta adalah mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama;
- b) Penerima geran perlu memastikan peruntukan yang diterima tidak disalahguna di dalam apa jua bentuk selain dari tujuan asal permohonan;
- c) Penerima geran perlu mematuhi semua peraturan/undang-undang semasa yang sedang berkuatkuasa.
- d) Penerima geran hendaklah memastikan kualiti acara/pesta dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

7.2 Selepas program/acara selesai:

- a) Penerima geran hendaklah mengemukakan laporan prestasi lengkap seperti yang disyaratkan dalam Surat Tawaran ataupun Memorandum Perjanjian Geran Sokongan.

8. PEMAKLUMAN PELAKSANAAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)

- 8.1 Kementerian komited untuk memastikan semua urusan dan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara profesional, adil dan berintegriti berlandaskan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.
- 8.2 Kementerian adalah komited dalam pelaksanaan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS). Kit Anti Rasuah MTCP yang mengandungi maklumat lanjut berkenaan pelaksanaan ABMS MTCP boleh didapati di laman web rasmi (mtcp.sarawak.gov.my).
- 8.3 Kementerian telah menyediakan polisi-polisi untuk dijadikan panduan individu, rakan niaga, pemegang taruh ataupun mana-mana pihak ketiga yang berurusan dengan Kementerian. Polisi-polisi yang disediakan adalah seperti berikut:
- a) Polisi Anti Rasuah;
 - b) Polisi Pemberi Maklumat;
 - c) Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan;
 - d) Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan; dan menggunakan
 - e) Garis Panduan Pengurusan Hadiah Untuk PANS
- 8.4 Polisi-polisi ini juga boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR di bawah.



9. TATACARA PERMOHONAN

- 9.1 Pemohon perlu menghantar surat rasmi permohonan geran sokongan, borang geran sokongan/dana sokong, dan menghantar kertas cadangan yang lengkap kepada Kementerian.
- 9.2 Dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan telah disahkan
- 9.3 Permohonan hendaklah dikemukakan tidak kurang daripada **90 hari** sebelum tarikh pelaksanaan acara dan pesta
- 9.4 Kertas cadangan perlu dikemukakan dalam **Bahasa Malaysia** atau **Bahasa Inggeris** sahaja.
- 9.5 Setiap permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:
**Setiausaha Tetap,
Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan
Sarawak,
Tingkat 16, Sayap Kanan, Bangunan Baitulmakmur II,
Medan Raya, Petra Jaya,
93050, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 082 - 442226
Faks: 082 - 442216**
- 9.6 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila berhubung dengan Urusetia Geran sokongan Kementerian.
- 9.7 Sekiranya permohonan tidak berjaya, pemohon akan dimaklumkan melalui surat rasmi atau emel rasmi kementerian.